

**PANDANGAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYA DAN PELAJAR UNIVERSITAS  
PENDIDIKAN INDONESIA BANDUNG TENTANG ISU SOSIAL SEMASA: SATU  
PERBANDINGAN**

**Vishalache Balakrishnan**

**Universiti Malaya  
Kuala Lumpur**

**Abstrak**

Isi sosial remaja global terus menjadi agenda perbincangan dan penyelidikan yang semakin penting. Kertas ini membincangkan isu-isu sosial/moral semasa yang disuarakan oleh pelajar Universiti Malaya (UM) di Fakulti Pendidikan dan pelajar Universitas Pendidikan Indonesia (UPI), Bandung. Dalam menggunakan kaedah participatory action research (PAR), pelajar daripada kedua-dua universiti telah menulis isu sosial/moral yang mereka tahu atau alami dan kemudiannya membincangkan punca terjadinya isu tersebut. Kaedah ini mengaplikasikan perbincangan menggunakan dilemma kehidupan sebenar (Vishalache, 2012). Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk membuat satu perbandingan di antara isu-isu sosial khususnya dalam kalangan remaja Universiti Malaya (UM) di Malaysia dan remaja di Universitas Pendidikan Indonesia (UPI) Bandung. Seramai 15 pelajar UM dan 15 pelajar UPI terlibat dalam kajian ini iaitu termasuk pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Responden pelajar UM yang terlibat terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Responden pelajar UPI yang terlibat semuanya adalah Melayu Jawa dan beragama Islam. Di antara isu moral yang diutarakan ialah pergaulan bebas, seks bebas dan isu kurang sopan dalam kalangan remaja. Mereka mencadangkan ibu bapa diberikan kursus mendidik anak-anak dan sekolah memainkan peranan yang lebih aktif dalam mengatasi isu sosial dalam kalangan remaja.

**PENGENALAN**

Isu sosial atau moral semakin kompleks dan mencabar dalam era globalisasi sekarang. Tetapi menurut Socrates, seorang tokoh falsafah Greek, remaja pada zaman pada masa itu pun kurang ajar dan tidak menghormati golongan tua. Kini, pelbagai alasan dan andaian dibuat terhadap peningkatan isu sosial dalam kalangan remaja pada masa kini. Satu daripada kesan meningkatnya isu sosial ialah kesan terhadap moral golongan remaja. Moral berasal daripada perkataan Latin 'mores' yang bererti cara. Bull (1969) menganggap moral sebagai kod tingkah laku manusia yang diterima dalam satu masyarakat atau sub masyarakat tersebut. Apabila kod ini tidak dipatuhi atau diikuti akan wujud masalah atau isu moral. Masalah dan isu moral terjadi

kerana adanya percanggahan pendapat, nilai, budaya dan sistem pemerintahan, baik pada peringkat mikro mahupun makro (Vishalache, 2009).

Dalam penyelidikan ini, satu perbandingan tentang isu sosial semasa yang melibatkan remaja UM Malaysia dan remaja UPI Bandung telah dijalankan. Penyelidikan yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif dan berfokus kepada 'participatory action research' (PAR). Dengan menggunakan kaedah perbincangan secara berkumpulan, responden UM Malaysia dan responden UPI Indonesia telah membincangkan isu sosial di negara masing-masing, punca dan cara mengatasi gejala tersebut.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Penyelidikan Vygotsky, seorang saintis dan pendidik Rusia yang memulakan kajiannya semasa pasca-revolusi Rusia masih bermakna dan memberikan informasi kepada kita pada hari ini dalam aspek perkembangan diri dan pembelajaran. Fokus beliau ialah terhadap: (1) pengaruh aktif manusia terhadap perkembangan dan kesedaran diri sendiri, (2) kepentingan interaksi sosial dalam perkembangan manusia, dan (3) konsep intervensi bahasa dalam proses komunikasi (Emihovich & Lima, 1995).

Dalam kalangan remaja Malaysia dan remaja Indonesia yang melalui pendidikan yang hampir sama seperti pendidikan agama dan moral di peringkat awal persekolahan, peraturan dan undang-undang serta norma masyarakat yang cuba mendidik mereka menjadi masyarakat yang bermoral menurut standard negara masing-masing, masih terdapat isu moral yang timbul. Jika dilihat daripada perspektif Vygotsky, perlu ada kesedaran diri dalam memelihara perkembangan insaniah dan perlu ada komunikasi yang berkesan. Aspek ini kurang diberikan perhatian dalam masyarakat ketimuran kita. Kajian ini memberikan ruang kepada remaja untuk berkomunikasi dan membincangkan isu moral yang mereka analisis daripada kaca mata sendiri. Menurut Alexander (2005), aksi atau tindakan sesuatu masyarakat dipengaruhi oleh norma sosial atau budaya berdasarkan alasan, bukti, sikap, emosi, tradisi, dan nilai.

### **Persoalan Kajian**

1. Apakah isu moral yang dihadapi oleh remaja Malaysia dan Indonesia pada masa ini?
2. Apakah punca isu moral yang terjadi kepada remaja Malaysia dan Indonesia pada masa ini?
3. Bagaimanakah remaja Malaysia dan Indonesia boleh menyelesaikan isu moral yang dihadapi oleh mereka?

## **KAJIAN LEPAS**

Pelbagai kajian telah dijalankan dalam bidang kemoralan sosial khususnya yang berkaitan dengan remaja dan dilema moral yang mereka hadapi dalam kehidupan harian. Menurut Wilson (1972),

satu cara berkesan membantu remaja menghadapi dilema moral ialah meletakkan diri mereka dalam situasi kehidupan sebenar. Ini bererti para pendidik perlu menyediakan ruang di mana dilema atau isu moral yang sebenar dibincangkan. Pelajar perlu merasai apa yang dibincangkan. Mereka akan menjadi sebahagian daripada proses perbincangan dan penyelesaian dilema moral yang dihadapi. Setakat ini penggunaan dilema kehidupan sebenar kurang diberikan perhatian sebab dengan adanya pelajar daripada pelbagai latar belakang, budaya dan agama, ruang yang disediakan untuk kajian sebegini perlulah selamat dan kondusif (Vishalache & Cornforth, 2013; Vishalache & Claiborne, 2012). Terdapat pandangan lain (Walker et al., 1995) yang menyatakan penggunaan isu moral yang sebenar adalah lebih faktual, realistik and bermakna kepada responden.

Dengan mengambil kira pelbagai faktor semasa yang kurang memberi ruang kepada remaja untuk menyuarakan isu moral yang dihadapi atau yang dilihat sebagai dilema moral, metodologi penyelidikan menggunakan 'participatory action research' telah diguna pakai.

## **METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Penyelidikan dijalankan mengikut prinsip 'participatory action research' (PAR). PAR yang berasalnya daripada kajian tindakan berbeza daripada kajian tindakan kerana responden kajian berkolaborasi dalam proses kajian yang dilaksanakan (Kemmis & McTaggart, 1998). Proses kolaborasi sosial ini diterangkan oleh Habermas (1994) sebagai proses komunikasi terbuka yang dilakukan oleh manusia untuk mengenali and mengubah kebiasaan dalam dunia mereka. PAR ialah satu metodologi yang signifikan untuk intervensi, perkembangan dan perubahan dalam masyarakat. PAR mengintegrasikan penyelidikan dan tindakan dengan perkakas yang bersesuaian dan setiap individu yang terlibat menjadi penyelidik (Kuumba & Ajanaku, 1996). Dalam proses PAR, responden mencipta pengetahuan yang secara tidak langsung menjadi perkakas untuk pendidikan dan perkembangan serta mobiliti tindakan (Gaventa, 1991). Dalam kajian perbandingan yang telah dijalankan dalam kumpulan pelajar UM Malaysia dan pelajar UPI Bandung, mereka mempunyai persepsi dan pandangan tersendiri tentang isu sosial/moral yang dihadapi atau yang berlaku dalam negara masing-masing. Melalui komunikasi terbuka sesama sendiri (Habermas, 1987), mereka dapat berdiskusi dan berinteraksi untuk mencapai kata sepakat tentang isu moral dan menghadapi keadaan tersebut dengan rasional.

### **Responden Universiti Malaya**

Seramai 15 pelajar IPTA Universiti Malaya (sembilan orang perempuan, enam orang lelaki) terlibat dalam kajian ini. Mereka adalah pelajar dalam lingkungan 19-22 tahun yang belajar di Fakulti Pendidikan. Kebanyakan mereka bakal menjadi guru atau terlibat dengan profesion yang berkaitan dengan pendidikan atau sektor lain. Responden UM Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik (Melayu, Cina, India, Iban, Kadazandusun) dan agama (Islam, Buddha, Kristian, Hindu). Mereka berasal daripada pelbagai kawasan demografi di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

## Responden UPI Bandung

Responden pelajar UPI Bandung terdiri daripada 15 orang pelajar (tujuh orang lelaki, lapan orang perempuan) dan adalah daripada kumpulan Melayu Jawa dan beragama Islam. Mereka berumur dalam lingkungan 20-22 tahun. Mereka belajar dalam pelbagai bidang (pendidikan, perhotelan, perniagaan, kaunseling, kejururawatan) dan akan menjawat pelbagai jawatan dalam pelbagai bidang apabila graduat nanti.

## REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini telah dibahagikan kepada lima fasa seperti yang dicadangkan oleh Park (1993) yang menganggap PAR sebagai proses untuk mengenal pasti dan memberikan peluang kepada individu yang terasa dirinya terlibat dalam suasana sosial yang menekan. Lima fasa yang dicadangkan oleh Park telah diadaptasikan dengan cadangan penyelidik untuk menghasilkan satu proses PAR yang komprehensif. Berikut adalah proses perjalanan PAR yang telah dijalankan.

<b>Proses PAR</b>	
Fasa	Deskripsi ringkas
1	Penerimaan sebagai responden kajian
2	Membina 'rapport' dengan responden kajian
3	Formulasi masalah oleh responden
4	Prosedur  Perbincangan tentang isu moral sebenar- ada sesi refleksi di akhir setiap sesi perbincangan  Contoh satu sesi perbincangan:  Dilema Moral 1

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perbincangan dilemma sebenar (Pusingan 1)</li> <li>- Refleksi/Penulisan jurnal</li> <li>- Perbincangan dilemma sebenar (Pusingan 2)</li> <li>- Refleksi/Penulisan jurnal</li> </ul>
5	<p>Pusingan reflektif</p> <p>Pusingan reflektif terakhir berdasarkan proses kajian PAR secara menyeluruh</p>

Rajah 1: Gambaran umum reka bentuk kajian

## ETIKA DALAM PENYELIDIKAN

Oleh kerana penyelidikan ini melibatkan isu-isu moral yang sensitif yang mungkin melibatkan para responden sendiri, etika dalam penyelidikan telah diambil kira dari awal penyelidikan. Guillemin dan Gillam (2004) telah membezakan di antara etika dalam amalan dan etika prosedur. Etika prosedur berkaitan dengan mematuhi tata cara dan peraturan menjalankan sesuatu penyelidikan mana kala etika dalam amalan merujuk kepada isu harian semasa menjalankan sesuatu penyelidikan (Israel & Hay, 2006).

Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan etika keprihatinan yang dicadangkan oleh Gilligan (1977, 1982) dan diperluaskan oleh Baier (1985), Held (1993) dan Noddings (2003). Fokus perhubungan sesama responden dan penyelidik ialah keprihatinan. Ini ialah kerana dalam perbincangan kumpulan fokus, responden bergantung kepada satu sama lain untuk menganalisa dan mengenal pasti punca serta jalan penyelesaian sesuatu isu sosial/moral.

Di peringkat awal penyelidikan, penyelidik akur kepada etika prosedur. Oleh kerana responden semua adalah di peringkat akhir remaja dan dewasa kebenaran bertulis diperolehi daripada responden kajian. Mereka telah diberitahu tujuan dan matlamat penyelidikan serta tanggungjawab kedua-dua pihak; penyelidik dan responden dalam penyelidikan. Menurut Morse dan Richards (2002), responden berhak mengetahui yang berikut: hak untuk mengetahui dan memahami matlamat dan tujuan kajian serta penglibatan mereka dari segi tenaga dan masa, hak untuk mengetahui yang segala maklumat yang diberikan dan dikongsi adalah peribadi dan tidak akan didedahkan sumbernya, hak untuk menarik diri sekiranya berasa kurang selesa dengan perjalanan penyelidikan, hak untuk mengetahui kesudahan penyelidikan dan siapa berhak memperoleh maklumat yang diberikan serta kegunaan maklumat yang diperolehi.

Penyelidik telah memberitahu kepada kedua-dua kumpulan pelajar UM Malaysia dan UPI Indonesia bahawa maklumat yang dikongsi adalah rahsia dan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan. Hanya penyelidik sahaja berhak mengetahui sumber isu sosial/moral dan nama responden akan dirahsiakan. Untuk memastikan kesemua aspek dalam etika penyelidikan dituruti, satu 'working agreement' atau perjanjian kerja telah ditandatangani bersama responden dan penyelidik (Vishalache & Cornforth, 2013). Perjanjian kerja ini mengandungi ciri-ciri seperti tanggungjawab kedua-dua pihak yang telah dibincangkan dan dipersetujui oleh semua ahli kumpulan termasuk penyelidik. Perjanjian kerja ini ditandatangani oleh semua dan boleh diubah sekiranya timbul sebarang kesulitan semasa penyelidikan.

## **LIMITASI KAJIAN**

Kajian perbandingan ini hanya melibatkan seramai 30 orang responden iaitu 15 orang pelajar dari UM Malaysia dan 15 orang pelajar dari UPI Indonesia. Data yang diperolehi daripada kajian ini tidak boleh disimpulkan bagi keseluruhan remaja kedua-dua negara. Walau bagaimanapun, perbincangan dalam kajian ini telah melibatkan pelajar daripada pelbagai bidang daripada kedua-dua universiti dan perlu mendapat perhatian yang sepatutnya daripada pelbagai pihak yang ingin mengenali isu sosial dan moral remaja daripada dimensi perbincangan yang dilaksanakan.

## **PERBINCANGAN**

### **Apakah isu moral yang dihadapi oleh remaja Malaysia dan Indonesia pada masa ini?**

Isu moral yang dihadapi oleh remaja Malaysia dan Indonesia pada masa ini banyak melibatkan hubungan dua hala dan saling berkaitan antara satu sama lain. Berikut adalah ringkasan isu sosial/moral yang dinyatakan oleh kedua-dua kumpulan responden.

Isu moral yang dibincangkan oleh responden UM Malaysia

- Pergaulan bebas (jantina sama, jantina berlainan)
- Seks bebas dalam kalangan remaja
- Kurang adab/menghormati golongan lebih tua
- Remaja bersikap biadap di tempat awam

Isu moral yang dibincangkan oleh responden UPI Bandung

- Pergaulan bebas (lelaki dan wanita)
- Remaja kurang menghormati golongan tua
- Perlakuan kurang sopan dalam keluarga
- Seks bebas dalam kalangan remaja.

Dalam setiap isu yang diutarakan terdapat perbincangan yang membawa kepada pemahaman yang hampir sama. Misalnya dalam isu pergaulan bebas berikut adalah sebahagian daripada dialog semasa perbincangan kumpulan fokus.

X: Mereka (remaja) buat apa sahaja mereka suka. Kadang kala jijik lihat sikap yang keterlaluan dalam LRT (sejenis keretapi yang digunakan sebagai kenderaan awam).

Y: Mereka seakan tak nampak orang lain dan tak kisah tentang orang lain.

(Kumpulan responden UM Malaysia)

A: Ada kumpulan remaja peluk-peluk di khalayak ramai. Kami yang lihat pun segan.

B: Sikap mereka kurang senang dipandang ramai tapi dianggap bisa saja.

(Kumpulan responden UPI Indonesia)

Bagi isu seks bebas, responden UM Malaysia dan Indonesia melihatnya sebagai satu isu moral yang serius dan perlu diambil tindakan oleh pihak atasan. Mereka sendiri seakan tertekan dengan keadaan di persekitaran di mana hubungan antara jantina berbeza kadang kala melampaui batas agama dan budaya.

E: Kalau jatuh cinta, perlu ada batasan khasnya sebelum kahwin tapi remaja sekarang berani melakukan hubungan seks. Perbuatan tu tidak dipikirkan kesannya.

D: Memang perbuatan itu dilarang agama tetapi nafsu remaja kini macam susah dikawal.

(Kumpulan responden UPI Indonesia)

T: Hubungan seks bebas bukan hanya berlaku di antara berlainan jantina. Jantina sama pun menjadi lebih teruk.

V: Masa saya belajar dan tinggal di asrama, macam-macam berlaku. Ada 'member' yang 'kantai' dalam tandas dan ditangkap oleh warden.

S: Remaja sekarang berani mencuba dan bila kena tak kisah. Yang jadi malu mereka yang berada di keliling.

(Kumpulan responden UM Malaysia)

Isu kurang menghormati golongan lebih tua turut dibincangkan oleh kedua-dua kumpulan Malaysia dan Indonesia. Mereka berpandangan golongan tua kurang dihormati oleh golongan remaja.

U: Apabila balik kampung, remaja asyik berseronok dengan kawan sahaja. Nenek dan datuk kurang ditegur. Mereka rasa tak perlu bercakap dengan orang tua.

V: Bukan semua yang biadap tapi boleh dikatakan kebanyakan remaja sekarang tak suka balik kampung. Masa cuti atau musim perayaan mereka kurang minat untuk balik dan melawat saudara-mara. Mereka lebih suka lepak bersama kawan.

R: Orang tua dianggap menyusahkan dan selalu membebel. Jadi remaja tak suka.

(Kumpulan responden UM Malaysia)

G: Remaja kami pula anggap orang tua sebagai kawan aje. Dimarah atuk nenek seperti marah kawan. Kurang ajar budak-budak ini.

(Pandangan responden UPI Indonesia)

Warga emas dan golongan berumur selalu dianggap sebagai ahli keluarga yang berpengetahuan dan banyak boleh dipelajari daripada mereka. Tetapi gaya mereka memberikan nasihat kepada golongan muda dianggap sebagai membebel dan kurang disenangi oleh remaja, baik di Malaysia mahupun di Indonesia.

### **Apakah punca isu moral yang terjadi kepada remaja Malaysia dan Indonesia pada masa ini?**

Kedua-dua kumpulan bersetuju punca utama remaja menjadi kurang bermoral ialah kekurangan didikan agama dan didikan awal dalam keluarga. Mereka mendapati remaja yang selalu membuat perkara yang dibincangkan sebelum ini biasanya daripada keluarga yang mempunyai masalah hubungan sesama ahli keluarga, anak yang dibesarkan oleh ibu atau ayah tunggal dan kadang kala dibiarkan membesar di rumah sanak saudara atau datuk dan nenek.

S: Kalau dari kecil ada didikan agama, tidak ada masalah.

T: Tak semestinya; kawan saya yang belajar kat sekolah agama pun agak teruk pakaian dia dan cara dia bergambar dengan *boyfriend*, *diupload* dalam FB pulak. Terkejut kami yang lain.

O: Mungkin yang itu tak menghayati agama yang dipelajari.

(Kumpulan responden UM Malaysia)

E: Kalau kat kampung saya, kebanyakan remaja macam tak ada tempat pegangan.

F: Ibu dan bapak sibuk mengurus kerja.

G: Pengaruh kawan kurang baik menyebabkan mereka tidak bermoral.

(Kumpulan responden UPI Indonesia)



Sebagai negara (kedua-dua Malaysia dan Indonesia) yang mementingkan didikan agama dan hubungan kekeluargaan dalam membantu perkembangan perwatakan moral individu dan masyarakat, tekanan terhadap kedua-dua aspek tersebut diutamakan. Selain itu media dan internet dibangkitkan sebagai member kesan yang negatif dalam isu moral.

I: Isu hubungan sejenis banyak dipaparkan dalam internet. Ianya dianggap biasa. Jadi remaja pun terikut dengan apa yang dibaca dan apa yang dilihat.

J: Mereka terlalu terpengaruh dengan budaya barat sehingga sanggup membuat perkara di luar batasan.

I: Remaja masih tidak boleh berfikir secara baik...kurang matang pikiran mereka.

(Kumpulan responden UPI Indonesia)

R: Macam-macam dalam *Face Book*. Tak terfikir boleh terlanjur macam itu.

S: Kalau yang barat buat, kita tak rasa tapi kalau remaja kita atau kawan kita yang buat, terfikir juga ngapa mereka terikut dengan apa yang ada dalam internet.

(Kumpulan responden UM Malaysia)

Punca isu moral yang dibincangkan oleh kedua-dua kumpulan tidak banyak beza. Mereka mengatakan kurangnya pegangan agama, kurangnya didikan ibu bapa dari kecil serta pengaruh media seperti internet menyebabkan remaja bersikap kurang moral. Dalam zaman pemerintahan penjajah di Malaysia, mahupun Indonesia, kemoralan keluarga di bahu ayah yang menjadi ketua keluarga. Ayah yang menjadi ketua agama di rumah, ketua keluarga dan pencari nafkah. Ibu menjadi ketua rumah tangga dan menjaga anak sepanjang masa. Sekarang dalam zaman materialistik, kebanyakan pasangan suami isteri terpaksa bekerja untuk menampung kos kehidupan yang semakin meningkat dan anak-anak perlu dididik oleh pelbagai pihak yang lain.

### **Bagaimanakah remaja Malaysia dan Indonesia boleh menyelesaikan isu moral yang dihadapi oleh mereka?**

Berdasarkan perbincangan dan sesi refleksi yang dijalankan, pelbagai cadangan telah diutarakan untuk menyelesaikan isu moral. Antaranya ialah:

Saya fikir harus ada satu kursus untuk bakal ibu bapa agar mereka tahu bagaimana hendak membesarkan anak-anak. Kursus atau bengkel perlu melibatkan kedua-dua pasangan...macam kursus kahwin. Jadi fahamlah apa tanggungjawab masing-masing.

(Pandangan responden UM Malaysia)

Perlu ada sistem persekolahan yang mengutamakan agama dan moral. Jika ajar agama perlu dimasukkan aspek sosial agar remaja tahu bersikap baik.

(Pandangan responden UPI Indonesia)

Selain daripada aspek tanggungjawab ibu bapa, sistem pendidikan dalam moral dan agama, ada responden yang menyuarakan tentang pendidikan media/internet.

Remaja perlu diberi kesedaran bahawa internet mempunyai banyak faedahnya. Jangan hanya berfokus kepada FB sahaja. Di Malaysia aje, sudah ada ramai gadis yang tertipu dan menjadi pengedar dadah melalui kenalan FB.

(Pandangan responden UM Malaysia)

Ada yang terlalu suka masuk gambar dalam FB dengan gaya macam-macam. Semua itu pun perlakuan yang melampau. Remaja mesti dididik menjaga maruah diri.

(Pandangan responden UPI Indonesia)

Ternyata ada persamaan dalam cadangan penyelesaian isu moral yang dibincangkan di awal penyelidikan. Responden UM Malaysia dan responden UPI Indonesia seakan mempunyai pemikiran yang sehaluan. Ini mungkin disebabkan oleh kemiripan budaya kedua-dua buah negara.

## KESIMPULAN

Remaja di UM Malaysia dan di UPI Indonesia menghadapi isu sosial/moral yang hampir sama, menghadapi cabaran hidup yang pelbagai dan mempunyai pelbagai alternatif untuk menyelesaikan isu moral yang dihadapi. Penyelidik masih menjalankan penyelidikan ini pada peringkat kedua dengan menyelidik cara remaja Malaysia dan Indonesia menyelesaikan isu moral yang mereka sebenarnya hadapi. Dengan menggunakan satu kaedah yang digelar penyelidik 'Real-life dilemma discussions' penyelidik cuba mengkaji bagaimana remaja Malaysia dan Indonesia menyelesaikan isu moral, orientasi moral yang mereka gunakan factor-faktor yang menyebabkan mereka mengambil sesuatu tindakan apabila menghadapi dilema moral.

## RUJUKAN

- Alexander, H. A. (2005). Education in ideology. *Journal of Moral Education*, 34(1), 1-18.
- Baier, A. (1985). What do women want in a moral theory. In A. Baier (Ed.), *Moral prejudices: Essays on ethics* (pp. 1-18). Cambridge: Cambridge University Press.
- Bull, N. J. (1969). *Moral education*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Emihovich, C., & Lima, E. S. (1995). The many facets of Vygotsky: A cultural-historical voice from the future. *Anthropology and Education Quarterly*, 26(4), 375-383.
- Gaventa, J. (1991). Toward a knowledge democracy: Viewpoints on participatory action-research in North America. In Fals-Borda & M. A. Rahman (Eds.), *Action and knowledge: Breaking the monopoly with participatory action-research* (pp. 121-131). New York: The Apex Press.

- Gilligan, C. (1977). In a different voice: Women's conceptions of the self and of morality. *Harvard Educational Review*, 47, 481-517.
- Gilligan, C. (1982). *In a different voice: Psychological theory and women's development*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Guillemin, M., & Gillam, L. (2004). Ethics, reflexivity and "ethically important moments" in research. *Qualitative Inquiry*, 10(2), 261-280.
- Habermas, J. (1987). *The theory of communicative action: Vol. 2. Life world and system: A critique of functionalist reason*. (T. McCarthy, Trans.). Cambridge: Polity.
- Habermas, J. (1994). *The past as future. Interviews by M. Haller* (M. Pensky, Trans.). Cambridge: Polity.
- Held, V. (1993). *Feminist morality: Transforming culture, society and politics*. Chicago: University of Chicago Press.
- Israel, M., & Hay, I. (2006). *Research ethics for social scientists*. London: Sage.
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (1998). *The action research planner* (3<sup>rd</sup> ed.). Geelong, Victoria: Deakin University Press.
- Kuumba, B., & Ajanaku, F. (1996). Women's liberation research: Methodological strategies for social change and empowerment. *Advances in Gender Research*, 1, 189-212.
- Morse, J. M., & Richards, L. (2002). *Read me first for a user's guide to qualitative methods*. Thousand Oaks: Sage.
- Noddings, N. (2003). *Caring: A feminine approach to ethics and moral education* (2nd ed.). Berkeley, CA: University of California Press.
- Vishalache, B. & Claiborne, L.B. (2012). Vygotsky from ZPD to ZCD in ME: Reshaping Western theory and practices in local context. *Journal of Moral Education*, 41 (2), 225-243.
- Vishalache, B. & Cornforth, S. (2013). Using working agreements in participatory action research: working through moral problems with Malaysian students. *Educational Action Research*, 21 (4), 582-602.
- Vishalache, B. (2008). *Pendidikan moral untuk universiti dan kolej*. Subang Jaya: Arah Pendidikan.
- Vishalache, B. (2012). *Using real-life dilemmas to teach ME*. Kuala Lumpur, Malaysia: University of Malaya Press.

Walker, L. J., Pitts, R. C., Hennig, K. H., & Matsuba, M. K. (1995). Reasoning about morality and real-life moral problems. In M. Killen & D. Hart (Eds.), *Morality in everyday life developmental perspectives* (pp. 371-407). New York: Cambridge University Press.

Wilson, J. (1967). *Introduction to moral education*. Harmondsworth: Penguin.